



SUNTIKAN SEMANGAT DI SEPANG

SEPANG: Kakitangan Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP), PPUKM telah menerima suntikan semangat yang baharu selepas menghadiri program 'Teambuilding' yang telah diadakan pada 26 – 27 Oktober 2013 yang lalu. Bertempat di Concorde Inn, Sepang, program yang julung kali diadakan ini telah dikelolakan dengan kerjasama Dr. Yusuf Rabu, seorang jurulatih bertauliah daripada syarikat Pro Mind Solutions. Kakitangan JKSP yang menghadiri program 'Teambuilding' tersebut nyata gembira dan berpuas hati apabila rata-rata menyatakan tempoh masa 2 hari 1 malam tersebut tidak mencukupi dan kebanyakan mereka mahukan program seumpamanya diadakan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, semangat kerjasama berpasukan nyata telah berjaya dibentuk melalui acara permainan dan aktiviti yang disimulasikan dalam program itu. Pendekatan ini dilihat berjaya mengupas pelbagai inovasi yang boleh mendorong kepada perubahan dan kemajuan kreatif dalam perkhidmatan. Secara tidak langsung menjadikan kakitangan JKSP mampu untuk menerapkan idea pemikiran progresif yang mementingkan kreativiti dan inovasi.

Semoga, kerjasama yang telah dibina dan dipupuk melalui program 'Teambuilding' ini dapat dipertahankan dan diamalkan di dalam budaya kerja seharian di JKSP. Benarlah kata peribahasa Melayu "Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat".

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Mohd Faiz Mohd Esa

Pengarang

Suraiyah Harun

Intan Nurhaila Meor Safari

Muhammad Faiz Sabli

Nor Aishah Md. Ali

Grafik

Norazuni Saharudin

Jurufoto

Aminudin Piramli

Edaran

Siti Zubaidah
Abd. Rahman

Jannatul Asyikin
Janudin

Ainsyah Nasihah
Abu Bakar

Noraini Hussin

Khadijah Rashid

Berita Komuniti



Majlis Sumbangan Pertubuhan Kebajikan Insan Penyayang Malaysia (PKIPM)

Bilik Mesyuarat Lembaga PPUKM

9 Januari 2013



Majlis Perpisahan Ustaz Azhari

JKSP PPUKM

29 Januari 2013



Berita Komuniti

Majlis Sumbangan Harrods Untuk Pesakit Katarak

SUKMARIA PPUKM

7 Februari 2013



Majlis Sumbangan Kerusi Roda Oleh Jabatan Pentadbiran Am

JKSP PPUKM

14 Februari 2013



Berita Komuniti

CME E-MASS oleh Jabatan Farmasi

Bilik Resusitasi, Jabatan Maksilofasial PPUKM


26 Mac 2013



CME MAIWP - PICOM Nursing Home Care

Bilik Mesyuarat, JKSP PPUKM

16 April 2013



Berita Komuniti

Program Informasi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Auditorium, PPUKM

19 April 2013



Program Khidmat Masyarakat Pusat Jagaan Al-Fikrah, Kajang

23 April 2013



Berita Komuniti

Hari Bersama Pelanggan JKSP

Lobi Utama PPUKM

5 Jun 2013



CME Dr. Hasmadi Awang Jabatan Antropologi UKM

Sukmaria PPUKM

6 Jun 2013



Berita Komuniti



CME Ustaz Syed Faiz

Bilik Resusitasi, Jabatan Maksilofasial PPUKM

5 Julai 2013



*Majlis Sumbangan Aidilfitri
Kepada Pesakit oleh MAIWP*

PPUKM

31 Julai 2013

Berita Komuniti

Iftar Ramadhan

Umami Cafe Putrajaya

2 Ogos 2013



CME Pusat Zakat Selangor

Bilik Resusitasi, Jabatan Maksilofasial
PPUKM

27 Ogos 2013



Berita Komuniti

Sambutan Hari Raya JKSP

30 Ogos 2013

JKSP PPUKM



Bengkel Penyediaan Penilaian Sosioekonomi

4 September 2013

Bilik Resusitasi, Jabatan Maksilofasial
PPUKM



Berita Komuniti

Majlis Sumbangan Yayasan AEON

24 September 2013

**Bilik Resusitasi, Jabatan Maksilofasial
PPUKM**



CME Prof. Madya Dr. Harlina Siraj

24 Oktober 2013

Sukmaria, PPUKM



Team Building JKSP

26 - 27 Oktober 2013 Concorde Inn, Sepang



Team Building JKSP

26 - 27 Oktober 2013 Concorde Inn, Sepang



Berita Komuniti

Seminar Pengurusan Jagaan Pesakit Warga Emas Tidak Upaya & Terdampar Dalam Komuniti

7 November 2013

Auditorium, PPUKM



Ceramah Mengenali Warna Diri & Budaya Kerja Cemerlang

19 Disember 2013

Bilik Resusitasi, Jabatan Maksilofasial PPUKM



Sekalung Penghargaan

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Aminuddin Piramli
Rashidi Abdul Rahim

KENAIKAN PANGKAT

Haslina Abdul Karim (KUP S32)
Rohayah Abdullah (KUP U12)
Noraini Hussin (KUP U12)
Khadijah Rashid (KUP U12)

KELAHIRAN CAHAYA MATA

Nur Iman Iffah Syifa Bt Mohd.Yusry
Imran Haris B Azman
Muhammad Haniff B Muhammad Faiz
Muhammad Izdiyar Huraiah B Husaini

SELAMAT PENGANTIN BARU

Aminuddin Piramli & Adibah Hanis Bt Mohd Khalid
(23 Mac 2013)

Norazuni Saharudin & Naim Marzuki Abd. Malik
(29 November 2013)

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TAHAP KOMPLIAN PESAKIT BUAH PINGGANG KRONIK TERHADAP RAWATAN SUSULAN DI KLINIK NEFROLOGI DAN SLE PUSAT PERUBATAN

OLEH : INTAN NURHAILA MEOR SAFARI

Permasalahan tidak komplian kepada rawatan susulan sering dikaitkan dengan pesakit yang menghadapi penyakit kronik. Satu kajian keratan rentas telah dijalankan di Klinik Nefrologi dan SLE Pusat Perubatan UKM dengan tujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi komplian pesakit buah pinggang kronik terhadap rawatan susulan di klinik. Seramai 380 orang pesakit telah bersetuju menjadi responden dalam kajian ini.

Pra-ujian untuk kebolehppercayaan terhadap soal selidik telah dijalankan ke atas 30 orang pesakit buah pinggang kronik di Klinik Nefrologi dan SLE PPUKM pada 6-8 September 2011. Tujuan pra-ujian dilakukan adalah untuk melihat samada kesemua responden memahami kenyataan soalan yang dikemukakan dan menghasilkan keputusan yang tekal (*consistent*, tidak berubah) sepanjang kajian dijalankan. Responden dari pra-ujian tidak dijadikan sebagai responden dalam kajian sebenar.

Pengumpulan data bermula dari bulan Januari 2012 sehinggalah bulan Mac 2012. Penyelidik telah menghadirkan diri pada setiap hari Selasa dan Khamis di Klinik Nefrologi dan SLE untuk menemubual responden. Temubual dijalankan di Bilik Mesyuarat Unit Jagaan Harian Hematologi dan juga di ruang menunggu klinik.

Objektif umum kajian adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pesakit buah pinggang kronik untuk komplian terhadap rawatan. Objektif khusus kajian adalah seperti di bawah :

- a) Untuk menentukan prevalen komplian rawatan yang baik.
- b) Untuk mengenal pasti hubungkait antara tahap komplian rawatan dengan :
 - i) faktor sosio demografi dan sosioekonomi pesakit
 - ii) pengetahuan pesakit terhadap penyakitnya
 - iii) faktor sokongan keluarga pesakit
 - iv) tahap kepuasan pesakit terhadap perkhidmatan yang diberikan doktor
 - v) persepsi pesakit terhadap penyakitnya

Faktor-faktor yang dikaji adalah faktor-faktor sosiodemografi, tahap pengetahuan pesakit terhadap penyakit buah pinggang kronik, tahap sokongan keluarga, kepuasan pesakit menerima perkhidmatan dari doktor dan persepsi pesakit terhadap penyakit buah pinggang kronik. Hasil kajian yang diperolehi dianalisa menggunakan analisa deskriptif, analisa bivariat menggunakan ujian khi kuasa dua χ^2 dan analisa multivariat menggunakan ujian regresi logistik mudah.

Melalui ujian bivariat khi kuasa dua, terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap komplian dan faktor umur ($\chi^2=7.415$, $p=0.006$), taraf perkahwinan ($\chi^2=26.851$, $p=0.001$), status pekerjaan ($\chi^2=14.806$, $p=0.001$), pendapatan isi rumah ($\chi^2=4.411$, $p=0.036$) dan tahap sokongan keluarga ($\chi^2=16.980$, $p=0.001$). Analisa lanjutan menggunakan ujian multivariat logistik regresi mudah mendapati pesakit yang berkahwin atau pernah berkahwin (OR=3.7, s.k 95% : 2.2-6.2), mendapat tahap sokongan keluarga yang tinggi (OR=3.0, s.k 95% : 1.8-5.1), tidak bekerja (OR=2.5, s.k 95% : 1.6-4.0), berumur melebihi 40 tahun (OR=2.0, s.k 95% ; 1.2-3.4) dan mempunyai berpendapatan isi rumah yang melebihi RM2,001.00 sebulan (OR=1.7, s.k 95% : 1.0-2.9) kekal sebagai faktor penentu yang mempengaruhi komplian.

Penemuan kajian ini dapat membantu kumpulan perawat Nefrologi amnya dan Pegawai Kerja Sosial Perubatan khususnya dalam mengenal pasti ciri-ciri pesakit yang berkemungkinan akan tidak komplian terhadap rawatan susulan mereka. Peranan yang boleh dimainkan oleh ahli keluarga pesakit dalam membantu memastikan peningkatan tahap komplian hendaklah diberi penekanan. Pegawai Kerja Sosial Perubatan yang sering terlibat dalam pasukan rawatan pelbagai disiplin juga hendaklah memberi tumpuan kepada faktor-faktor penentu yang telah dikenalpasti.